

# Jangan terima secara total globalisasi

Oleh HELMI MOHD. FOAD  
dan HABIBAH OMAR

**K**UALA LUMPUR 7 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia perlu mengambil sikap berhati-hati dengan globalisasi dan tidak menerimanya secara total.

Bekas Perdana Menteri berkata, ini kerana sebelum globalisasi, negara berjaya menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam sektor dagangannya.

"Kita telah berjaya melakukan dengan lebih baik sebelum globalisasi, malah sebenarnya kita tidak perlukan pun kepada globalisasi.

"Kita menerimanya pun kerana sebab negara-negara kaya menggunakan pasaran mereka untuk mengancam kita," katanya ketika berucap pada Forum Kepimpinan Global 2005, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, sebagai negara perdagangan, Malaysia perlu mengambil posisi yang betul dalam memastikan ia hanya menerima kesan minimum jika berlaku ancaman penutupan pasaran.

"Pada hari ini, 20 peratus dagangan kita adalah dengan Amerika Syarikat (AS).

"Kita perlu mengurangkan peratusan itu dengan mengembangkan dagangan kita dengan negara-negara lain yang memerlukan barangan kita," katanya.

Beliau menambah, Malaysia perlu meningkatkan jumlah dagangan dengan negara-negara di Asia terutama membabitkan dua kuasa baru di rantau ini iaitu India dan China.

Katanya, Malaysia perlu mengkaji kesemua pasaran yang sedang muncul itu bagi memastikan daya saing negara di peringkat global dapat dikekalkan.

"Jika kita berjaya meletakkan

diri kita dengan betul dan menghasilkan barangan yang betul bagi Asia Timur dan Asia Tenggara, negara akan mampu mengekalkan daya saingnya pada masa depan," katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, globalisasi adalah sangat mencabar kerana ia didefinisi dan diterjemah oleh negara-negara yang kaya dan berkuasa.

## Mengeksploitasi

"Negara tersebut melihat terdapat peluang untuk mereka dan syarikat besar mereka bagi mengeksploitasi negara seperti Malaysia," katanya.

Beliau berkata, sebenarnya negara-negara tersebut mahu menguasai seluruh industri dan bank negara-negara miskin bagi membolehkan mereka mengaut lebih banyak keuntungan.

"Mungkin mereka boleh menjadikan industri dan bank-bank kecil

itu lebih cekap tetapi dalam proses berkenaan banyak kepentingan negara akan dikorbankan.

"Sebagai contoh, mungkin lebih rasional dan menguntungkan jika industri kecil yang tidak cekap ditutup dan kemudian biarkan syarikat besar atau bank asing menyalurkan segala keperluan rakyat," katanya.

Dr. Mahathir berkata, jika begitu keadaannya, syarikat pembuat kereta nasional, Proton Holdings Bhd, perlu diambil alih oleh syarikat gergasi lain bagi menjimatkan kos Pembangunan dan mengurangkan harga kereta.

"Malayan Banking (Maybank) atau HSBC mungkin boleh diambil alih oleh Citibank.

"Jika kerugian meningkat di Malaysia, adalah tidak menjadi masalah kepada syarikat gergasi kerana mereka boleh membuat keuntungan di tempat lain.

"Tidak mempunyai kereta nasio-



## Global Leadership Forum

nal atau bank tempatan bukan satu perkara besar kerana Malaysia mungkin boleh mendapat perkhidmatan daripada industri dan bank yang beroperasi di seluruh dunia," ujarnya.

Bagaimanapun Dr. Mahathir melontarkan persoalan adakah rakyat Malaysia gembira jika identiti nasional mereka menjadi milik orang asing.

"Saya rasa mereka tidak (gembira), rakyat Malaysia mungkin boleh menjadi kaya walaupun mere-

ka tidak memberikan sebarang sumbangan kepada syarikat besar asing itu.

"Tetapi sebenarnya mereka tidak lebih hanya akan menjadi pekerja biasa (dalam syarikat tersebut).

"Tanggapan yang menyatakan bahawa syarikat besar adalah cekap dan menguntungkan tidak semestinya betul kerana banyak syarikat gergasi didapati menipu," katanya.